

## **Analisis Konflik Dalam *Lara*: Satu Pendekatan Psikologi**

### **Conflict Analysis In *Lara*: A Psychology Approach**

Nur Hanani Najwa Binti Md. Khairi  
Che Abdullah Che Ya

Pusat Penyelidikan Bitara Melayu,  
Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Correspondence : Nur Hanani Najwa Binti Md. Khairi ([hananinajwa94@gmail.com](mailto:hananinajwa94@gmail.com))  
Che Abdullah Che Ya, (M.B.A)([cheabd@ukm.edu.my](mailto:cheabd@ukm.edu.my))

#### **ABSTRAK**

*Analisis kajian ini melihat konflik intrapersonal dan konflik interpersonal dalam Lara karya Azmah Nordin. Analisis kajian ini dijalankan dengan melihat daripada perspektif psikologi. Kewujudan konflik-konflik ini adalah disebabkan oleh timbulnya perasaan tidak puas hati, marah dan geram terhadap isu-isu yang berlaku dalam masyarakat yang menumpukan kepada sisi gelap dunia perubatan yang sememangnya berlaku pada masa kini seperti penyalahgunaan kuasa, penyelewengan etika, penindasan dan pbulian, masalah rumah tangga, rawatan penyakit kanser serta perbezaan idea dan pendapat. Konflik intrapersonal merangkumi jenis-jenis konflik yang terdiri daripada konflik intrapersonal terhadap staf dan kakitangan hospital, konflik intrapersonal terhadap ahli keluarga, konflik intrapersonal terhadap rakan-rakan dan orang ramai, konflik terhadap rawatan penyakit kanser, serta konflik terhadap situasi yang berlaku. Jenis-jenis konflik interpersonal pula terdiri daripada konflik antara ahli keluarga, konflik antara kakitangan hospital serta konflik antara rakan-rakan atau orang ramai. Konflik-konflik yang timbul ini sama ada dipendam dalam diri yang menyebabkan wujudnya persoalan dan andaian dalam diri atau diluahkan seterusnya menyebabkan berlakunya pertelingkahan, pertikaman lidah dan perselisihan faham sehingga kadangkala menyebabkan berlakunya pergaduhan secara fizikal antara watak. Hasil kajian mendapati watak-watak dalam novel Lara mempunyai konflik intrapersonal dan konflik interpersonal yang wujud disebabkan oleh isu-isu yang berlaku di sekeliling khususnya isu berkaitan dengan korupsi yang berlaku dalam dunia perubatan.*

**Kata kunci:** psikologi, kuasa, etika, konflik intrapersonal, konflik interpersonal

#### **ABSTRACT**

*This research analysis views intrapersonal and interpersonal conflicts in Lara written by Azmah Nordin. This research analysis is conducted with a view from the perspective of psychology. The existence of these conflicts is caused by unsatisfied, angry and resentful feelings on the issues which happen in community nowadays like the abuse of power, distortion of ethics, oppression and bullying, marriage problem, cancer treatment, and difference ideas and opinions. There are a few types of intrapersonal conflict which is intrapersonal conflict towards hospital staff, intrapersonal conflict towards family members, intrapersonal conflict towards friends and people, intrapersonal conflict towards cancer treatment, and intrapersonal conflict towards the prevailing situations. The types of interpersonal conflict consists of interpersonal conflict towards hospital staff, interpersonal conflict towards family members and*

---

*interpersonal conflict towards friends and people. These conflicts exist either by buried in themselves until cause the emergence of questions and assumptions linger in their minds, or expressed directly until cause the validity of disputes, misunderstanding and war of words. This conflict intrapersonal sometimes can cause the physical fights between the characters. The result of analysis configures that the characters in the novel of Lara have the conflicts of intrapersonal and interpersonal which caused by various issues especially the things related to the corruption in medical world.*

**Key words:** *psychology, power, ethic, intrapersonal conflict, interpersonal conflict*

## 1. Pengenalan

Konflik merupakan suatu keadaan yang berkait rapat dengan situasi yang kurang menyenangkan antara satu sama lain terhadap sesuatu perkara, dan konflik juga boleh mendatangkan kesan yang baik dan juga buruk (Amran Hassan, 2011: 1). Konflik juga dapat dikatakan sebagai satu keadaan yang menimbulkan perselisihan atau pertentangan antara individu yang berlaku disebabkan oleh perbezaan idea dan pendapat antara satu sama lain. Antara konflik yang dapat ditelusuri melalui novel yang dikaji ialah konflik intrapersonal dan konflik interpersonal. Konflik intrapersonal merujuk kepada konflik yang berlaku dalam diri termasuk pergerakan bawah sedar dan halusinasi akibat daripada limpahan emosi daripada sesebuah watak. Konflik interpersonal pula merupakan konflik yang berlaku antara watak-watak yang diluahkan melalui kata-kata disebabkan oleh percanggahan idea dan pendapat mengenai sesuatu isu atau peristiwa.

Konflik-konflik ini bernaung dibawah pendekatan psikologi yang digunakan dalam kajian ini. Pendekatan psikologi merupakan pendekatan yang menerokai alam batin dan dalaman manusiawi bagi memahami kemanusiaan dan sikap hidupnya. Pendekatan ini diasaskan oleh Sigmund Freud, seorang tokoh yang sangat terkenal dengan ilmu psikoanalisisnya. Konsep psikologi diistilahkan melalui dua perkataan, iaitu *psyche*, yang dimaksudkan oleh Aristotle merupakan intipati kehidupan, dan dikatakan sebagai jiwa dalam bahasa seharian, manakala *logos* yang didefinisikan sebagai ilmu atau sains. Dalam kata lain, psikologi merujuk kepada sains atau ilmu yang mengkaji jiwa. Konsep psikologi ini kemudiannya dikhususkan lagi kepada ilmu yang mengkaji tingkah laku dan proses mental individu (Ma'rof Redzuan, 2004: 2).

Novel *Lara* merupakan hasil penulisan karya Azmah Nordin. Azmah Nordin dilahirkan di Kulim, Kedah pada 10 Januari 1958 dan merupakan anak keempat bagi pasangan Nordin Bin Ahmad dan Jamilah Binti Jahidin. Azmah Nordin mula menerima pendidikan rendah dan menengah dalam aliran Melayu dan Inggeris di tempat kelahirannya iaitu Kulim, Kedah. Seterusnya, Azmah Nordin menyambung pendidikannya di beberapa tempat seperti Pulau Pinang, Pahang, Negeri Sembilan disebabkan oleh perpindahan bapanya. Azmah Nordin kemudiannya berjaya menamatkan pelajarannya pada peringkat *Malaysian Creatificade and Education* (MCE) di Petaling Jaya, Selangor (Merujuk kepada borang soal selidik dalam kajian Juhara Biskai: 1992).

Penglibatan Azmah Nordin dalam bidang penulisan bermula ketika Azmah Nordin ditugaskan sebagai wartawan bebas untuk sementara waktu dengan menulis rencana eksklusif di Sabah pada tahun 1980-an. Kegigihannya dalam bidang kesusasteraan Melayu bermula dengan penyertaannya dalam beberapa kursus dan bengkel penulisan secara formal yang dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka cawangan Sabah. Azmah Nordin pernah mengikuti bengkel penulisan skrip drama bimbingan Johan Jaafar (1985), bengkel penulisan kreatif anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka cawangan Sabah dengan bimbingan Dharmawijaya (genre puisi) dan

Othman Puteh (genre cerpen) pada tahun 1988. Kemudiannya, Azmah Nordin mengikuti bengkel penulisan novel kanak-kanak anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka cawangan Kuala Lumpur pada tahun 1990. Selain daripada menyertai bengkel atau kursus penulisan, Azmah Nordin juga menyertai Badan Bahasa Sabah atau BAHASA sejak awal dekad 90-an hingga kini. Bagi Azmah Nordin, kegiatan-kegiatan seperti ini merapatkan lagi dirinya dengan dunia penulisan.

Azmah Nordin banyak menghasilkan karya-karyanya dengan melakukan penyelidikan untuk mendapatkan idea dan bahan penulisan, seperti yang dilakukannya dalam menghasilkan novel *Lara*. Novel ini berkaitan dengan salah satu bidang profesional iaitu bidang perubatan, jadi Azmah Nordin melakukan penyelidikan dalam usaha untuk mendapatkan bahan ilmu bantu serta melakukan temuramah dengan pesakit kanser payudara dalam mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan. Begitu juga dengan novel *Pantai Kasih* (1994) yang juga berkaitan dengan bidang perubatan yang memerlukan Azmah Nordin membuat penyelidikan dengan menemuramah beberapa orang doktor pakar dalam bidang perubatan. Selain daripada bidang perubatan, Azmah Nordin juga turut mendapatkan nasihat dan pandangan daripada suaminya sendiri mengenai bidang kejuruteraan elektronik dalam menghasilkan novel *Syumul* (1999) (Nurul Husnina Binti Mohmmad, 2014: 23-24).

Selain daripada penyelidikan, Azmah Nordin juga menggunakan pengalaman hidupnya dalam menghasilkan karya. Azmah Nordin banyak menggunakan pengalaman sebenar dalam hidupnya untuk menghasilkan karya-karya, seperti pengalamannya menetap di negeri Sabah. Hal ini dapat ditunjukkan menerusi gambaran kehidupan dan budaya masyarakat negeri Sabah diterapkan dalam salah satu karyanya iaitu *Dukanya Abadi* (1988). Terdapat juga peristiwa pahit menimpa Azmah Nordin yang kehilangan anak lelakinya kerana menghadapi kanser darah diterapkan dalam novelnya *Lara* yang menjadi bahan utama untuk kajian ini. Penerapan pengalaman sebenar dalam karya sedikit sebanyak dapat memberikan lebih penghayatan kepada khalayak pembaca.

Novel *Lara* mengandungi sebanyak 652 halaman dan diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada tahun 2012. *Lara* mengisahkan tentang seorang penulis bernama Ayu yang merupakan bekas pesakit kanser payudara berusaha bangkit kembali dalam bidang penulisan disamping berjuang dalam melawan kesan rawatan kanser iaitu kemoterapi. Novel ini juga memaparkan sisi gelap dunia perubatan yang berlaku dalam masyarakat pada hari ini. Novel ini merupakan hasil intepretasi Azmah Nordin daripada pengalaman hidupnya. Pengalaman Azmah Nordin yang mempunyai seorang anak lelaki berusia 9 tahun yang merupakan seorang pesakit kanser darah membuatkan Azmah Nordin menerapkan pengalaman pesakit kanser kanak-kanak iaitu pengalaman anaknya sebelum menghembuskan nafas terakhir serta segala perasaan termasuk perasaan terkilan beliau dicurahkan ke dalam novel *Lara*.

Justeru itu, dapat dilihat bahawa konflik-konflik yang diketengahkan dalam novel *Lara* menjadi medan luahan segala perasaan yang dialami Azmah Nordin terhadap isu-isu yang berlaku dalam masyarakat pada masa kini terutama perkara-perkara yang berkaitan dengan sisi gelap dunia perubatan. Segala yang dirasakan dan dialami Azmah Nordin dicurahkan ke dalam novel dan diolah dalam bentuk konflik-konflik yang berlaku kepada watak-watak dalam novel tersebut, malah juga diterapkan melalui elemen pergerakan bawah sedar dan pengaburan sempadan antara realiti dan ilusi.

## 2. Tinjauan literature

Tinjauan literatur merupakan ulasan maklumat yang diperolehi daripada jurnal, buku, prosiding dan penyelidikan-penyelidikan lepas (tesis) untuk sesuatu penyelidikan terbaru. Tinjauan literatur melibatkan pengumpulan maklumat penyelidik tentang permasalahan yang sedang dikaji. Dalam proses membuat tinjauan literatur, seseorang penyelidik akan mengenalpasti apakah yang telah dipelajari oleh orang lain mengenai permasalahan yang serupa dengan permasalahan yang dikaji. Selain itu, tinjauan literatur merupakan satu proses sistematik yang memerlukan pembacaan dan perhatian kepada butiran yang terperinci. Proses ini membabitkan kesimpulan bertulis tentang artikel dalam jurnal, buku dan dokumen lain yang menjelaskan maklumat lepas dan semasa, menyusun literatur dalam topik tertentu dan mendokumentasikan keperluan bagi kajian yang dicadangkan. Justeru itu, tinjauan literatur merupakan satu proses sistematik yang memerlukan penelitian dan kemahiran mencar, mengumpul, membaca serta merumus maklumat dengan terperinci. Tinjauan literatur mengenai kajian novel *Lara* dilihat masih terhad, tetapi tinjauan literatur yang berkaitan dengan konflik mudah untuk didapati. Terdapat beberapa kajian lepas yang berupa latihan ilmiah yang menghuraikan kajian mengenai konflik.

Kartini Binti Amir (1994) dengan kajian latihan ilmiahnya yang bertajuk “Konflik Budaya dalam Novel-Novel Malaysia Timur” membicarakan konflik budaya yang berlaku dalam enam buah novel yang dipilih. Antaranya ialah novel *Dukanya Abadi* (1990) oleh Azmah Nordin, novel *Bertaut* (1988) karya Obasiah Hj. Usman, novel *Hijrah* (1990) oleh Sitti Rahmah G. Ibrahim, novel *Cerah* oleh Amil Jaya, novel *Pindah* (1988) karya Jong Chian Lai, dan novel *Gugurnya Langit Hijau Nanga Tiga* juga karya Jong Chian Lai. Kajian ini membincangkan konflik budaya dalam novel *Dukanya Abadi* karya Azmah Nordin yang turut menyentuh persoalan adat perkahwinan yang mengundang permasalahan di kalangan masyarakat yang terlibat. Novel ini banyak menonjolkan konflik kaum Murut seperti yang dikehendaki oleh kajian ini. Oleh itu, novel Azmah Nordin tetap diketengahkan kerana kecenderungannya dalam bidang penulisan yang lebih kearah garapan mengenai pergolakan masyarakat Sabah walaupun Azmah Nordin bukan berasal dari Malaysia Timur.

Azmi Bin Md. Rodzi (1995) dengan latihan ilmiahnya yang bertajuk “Penerapan Psikoanalisis dalam Novel-Novel Azmah Nordin” memilih empat buah novel sebagai bahan kajian yang dikarang oleh Azmah Nordin. Empat buah novel tersebut ialah novel *Dukanya Abadi* (1988), *Kukui* (1990), *Dari Dalam Cermin* (1992) dan *Pantai Kasih* (1994). Aspek-aspek psikoanalisis iaitu pengarang, karya dan pembaca ditekankan dalam kajian ini.

Asmida Binti Dollah (1996) telah membincangkan analisis konflik dalam kajiannya “Novel-Novel Shahnnon Ahmad, Azizi Hj. Abdullah dan Abdul Talib Mohd. Hassan: Satu Analisis Konflik”. Analisis konflik dalam kajian ini dibahagikan kepada beberapa sub topik konflik iaitu konflik antara manusia dengan manusia, konflik antara individu, konflik antara masyarakat dengan masyarakat dan konflik manusia dengan haiwan. Bab ketiga pula difokuskan kepada unsur-unsur konflik dari aspek batiniah yang membincangkan analisis konflik dari aspek politik, pembangunan, hubungan kekeluargaan, kehilangan orang yang disayangi dan sikap mementingkan diri sendiri yang mengakibatkan wujudnya konflik batiniah. Dalam bab keempat pula dihuraikan mengenai analisis konflik dari aspek pemikiran yang berhubungan dengan kepercayaan karut, pemimpin dan kepimpinan, keagamaan dan kekeluargaan.

Hasmawani Binti Muhammad (2012) telah mengkaji konflik dari sudut psikologi dalam latihan ilmiahnya yang bertajuk “Konflik Intrapersonal dan Interpersonal dalam Novel *Daun*”. Dalam kajiannya, konflik yang diuraikan merangkumi dua jenis iaitu konflik intrapersonal dan konflik interpersonal. Konflik-konflik ini ditonjolkan hasil daripada perasaan tidak puas hati terhadap isu-isu yang berlaku dalam masyarakat pada hari ini seperti penyelewengan kuasa, pergolakan politik, perbezaan pegangan agama, kerosakan terhadap ekosistem alam dan hak ketuanan Melayu. Hasil kajian ini mendapati bahawa watak-watak dalam novel *Daun* mengalami konflik intrapersonal dan interpersonal yang berlaku disebabkan oleh timbulnya persoalan-persoalan berkaitan dengan kepercayaan agama, politik dan sosial di sekeliling mereka.

Seterusnya, Farah Fatiha Binti Che Yusoff (2008) menelusuri analisis konflik menerusi kajiannya bertajuk “Analisis Konflik dalam Kumpulan Cerpen *Fajar Merah di Lembah Ringat*”. Jenis konflik yang difokuskan dalam kajian ini ialah konflik politik, konflik antara manusia dan alam sekitar, konflik masyarakat dan juga konflik dalam diri yang terdapat dalam karya-karya terpilih dalam kumpulan cerpen *Fajar Merah di Lembah Ringat* karya Buang Haji Umar.

Christina Anak Aking (2008) dalam kajiannya “Konflik dan Kuasa dalam Novel *Gugurnya Langit Hijau Nanga Tiga Karya Jong Chian Lai*” pula meneliti konflik yang berlaku dalam masyarakat pedalaman dalam arus pembangunan. Konflik yang dikaji dalam novel ini adalah konflik intrapersonal, konflik peranan sendiri dan konflik interpersonal iaitu konflik yang berlaku antara masyarakat yang melibatkan lebih dari seorang individu.

Che Abdullah Che Ya (2014) menerusi kertas kerjanya yang bertajuk “Konflik dalam Sebuah Parti Melayu Melayu dari Kaca Mata Seorang Pengarang: Analisis *Busa Kalbu*” meneliti konflik yang dipaparkan oleh Arena Wati melalui novelnya *Busa Kalbu* (2002). Kajian ini menonjolkan konflik yang berlaku dalam kalangan sebuah Parti Melayu berhadapan dengan Sidang Agung, sebuah persidangan yang akan dilangsungkan yang turut memuatkan pemilihan pemimpin. Pelbagai konflik berlaku akibat perebutan kuasa ini seperti permusuhan, jatuh-menjatuh, rasuah serta politik wang.

Mawar Safei (2015) dalam kertas kerjanya “Konflik Komunikasi dari *Bercak ke Menongkah Lumrah* karya Azmah Nordin” membincangkan tentang konflik komunikasi yang secara khusus melibatkan latar keusahawan berasaskan teknologi digital atau IT. Novel *Menongkah Lumrah* (DBP, 1996) menceritakan mengenai pertelingkahan komunikasi dalam keusahawanan digital sebuah syarikat iaitu Panglima Burhan Computer (PBC). Kajian ini memfokuskan kepada bentuk kecenderungan konflik komunikasi tersebut yang dipaparkan secara khusus oleh Azmah Nordin dalam novel yang ditumpukan menerusi pengaplikasian latar keusahawanan berasaskan IT berkenaan.

Quick Hoon Chu dalam latihan ilmiahnya “Konflik Seorang Pegganas dalam *Angin Pijar*” mengkaji tentang konflik yang berlaku dalam diri dan juga konflik luaran. Kajian ini bertujuan untuk menelusuri bagaimana seseorang itu terseksa untuk melakukan sesuatu tanpa kerelaan dirinya sendiri dan juga meneliti penyelesaian terhadap konflik yang dialami oleh watak utama. Akibat daripada perasaan terseksa itu, seseorang itu dibelenggu dengan konflik tidak berpenghujung dalam dirinya yang merindui orang tersayang yang ditinggalkan dan pada masa yang sama rasa bersalah menjadi seorang musuh Negara. Justeru itu, timbulnya konflik dengan keluarga dan konflik dengan masyarakat yang tidak menyambut kepulangan seorang peganas yang ingin pulang ke pangkal jalan untuk hidup bersama dengan orang tersayang, keluarga dan juga masyarakat.

### 3. Metodologi kajian

Kertas kerja ini merupakan kajian yang berdasarkan kajian kepustakaan yang menggunakan kaedah kualitatif. Menurut Taylor dan Bogdan (1984), data kualitatif berbentuk deskriptif, berupa kata-kata lisan atau tulisan tentang tingkah laku manusia yang dapat diamati. Menurut Patton (1990), data kualitatif terhasil daripada tiga jenis data iaitu hasil pemerhatian yang mempunyai huraian terperinci tentang situasi, kejadian, interaksi, dan tingkah laku yang diamati di lapangan. Selain itu, hasil pembicaraan yang mengandungi kutipan langsung dari pernyataan orang-orang tentang pengalaman, sikap, keyakinan, dan pemikiran mereka dalam kesempatan temubual mendalam manakala data yang ketiga ialah bahan tertulis yang terdapat petikan atau keseluruhan dokumen, surat-menyurat, rakaman, dan kes sejarah (Kamarul Azmi Jasmi, 2012: 1).

Kajian ini berorientasikan data ketiga iaitu bahan bertulis atau analisis dokumen. Secara amnya, analisis dokumen merupakan pecahan kaedah pengumpulan data penyelidikan daripada analisis kandungan yang merupakan huraian objektif terhadap mesej komunikasi yang telah dicetak, disiarkan atau digambarkan. Sabitha Marican (2009: 97) dan Babbie (2010: 332) menyatakan bahawa dalam kata lain, bahagian mesej itu dapat didengar, diperoleh dan dilihat dengan merujuk kandungan teks pada perkataan, maksud, gambar, simbol, idea, tema, atau apa-apa sahaja mesej yang telah dikomunikasikan (Kamarul Azmi Jasmi, 2012: 1). Hal ini dapat ditunjukkan sebagaimana yang ditakrifkan seperti berikut:

*Document analysis is just what its name implies – the analysis of the written or visual contents of a document. Textbooks, essays, newspapers, novels, magazine articles, cookbooks, political, speeches, advertisements, pictures – in fact, the content of virtually any type of written or visual communication can be analyzed in various ways. A person's or group's conscious beliefs, attitudes, values, and ideas are often revealed in the document they produce.*

(Fraenkel dan Wallen, 1993: 389)

Pengumpulan data melalui analisis dokumen dapat memberikan maklumat yang relevan kepada isu dan masalah yang dikaji. Dokumen adalah sumber yang paling mudah kepada pengkaji kerana maklumat yang diperlukan telah sedia ada dan sukar untuk menipu. Pusat rujukan utama untuk kajian kepustakaan ini ialah Perpustakaan Tun Sri Lanang (PTSL), Perpustakaan Institut Alam dan Tamadun Melayu (PATMA) dan Pusat Sumber Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (PPBBKM). Kajian dan penelitian ini dilakukan terhadap bahan-bahan bacaan berkaitan dengan tajuk yang dikemukakan.

### 4. Dapatan dan Perbincangan

Melalui kajian ini, pendekatan psikologi digunakan untuk menganalisis dapatan mengenai konflik-konflik yang telah diteliti iaitu konflik intrapersonal dan konflik interpersonal. Konflik intrapersonal terdiri daripada beberapa jenis iaitu konflik intrapersonal terhadap staf dan kakitangan hospital, konflik intrapersonal terhadap ahli keluarga, konflik intrapersonal terhadap rakan-rakan dan orang ramai, konflik intrapersonal terhadap rawatan penyakit kanser serta konflik intrapersonal terhadap situasi yang berlaku. Konflik interpersonal pula terdiri daripada tiga cabang iaitu konflik interpersonal antara kakitangan hospital, konflik interpersonal antara

ahli keluarga, dan konflik interpersonal antara rakan-rakan dan orang ramai. Hasil dapatan dalam kertas kerja dapat ditelusuri seperti berikut;

#### **4.1 Konflik Intrapersonal**

Konflik intrapersonal atau konflik dalaman (*inner conflict*) merupakan sejenis konflik yang berlaku dalam diri individu. Konflik ini disifatkan sebagai “konflik seorang diri” yang tidak melibatkan orang lain kecuali diri sendiri. Persoalan tentang nilai, kesetiaan dan keutamaan merupakan punca terjadinya konflik intrapersonal. Konflik intrapersonal berlaku apabila seseorang tidak dapat membuat pilihan sehingga membuatkan diri berada dalam keadaan dilema untuk menentukan keutamaan, kepentingan dan kewajaran. Konflik jenis ini tidak membabitkan campur tangan orang lain tetapi ia lebih cenderung kepada perasaan tidak puas hati terhadap kejadian sesuatu peristiwa.

Konflik intrapersonal bermula apabila perasaan tidak puas hati itu hanya dipendamkan dalam diri tanpa diluahkan sehingga menyebabkan emosi seseorang individu terganggu seterusnya membuatkan seseorang itu berasa tertekan. Hal ini menyebabkan lahirnya pelbagai jenis perasaan yang bercampur-baur seperti marah, benci, risau, sedih, bimbang dan tidak berpuas hati terhadap tindakan yang dilakukan oleh seseorang. Ketidakstabilan emosi sentiasa menghantui seseorang yang mengalami konflik intrapersonal sehingga menyebabkan berlakunya timbunan pelbagai persoalan atau tanda tanya terhadap sesuatu perkara (Hasmawani Binti Muhammad, 2012: 13).

Konflik intrapersonal yang dipaparkan dalam novel *Lara* ini merungkaikan konflik yang berlaku dalam diri watak-watak novel ini terhadap sesuatu perkara atau peristiwa yang terjadi. Konflik ini berlaku disebabkan oleh timbulnya tanda tanya oleh watak-watak sehingga menimbulkan rasa marah, sedih, geram dan tidak puas hati terhadap sesuatu perkara atau peristiwa yang terjadi yang membelenggu dalam diri tetapi tidak dapat diluahkan dengan kata-kata dan hanya dipendam seterusnya menjadi konflik dalam diri.

Justeru itu, konflik intrapersonal dalam kajian ini dihuraikan dengan lima cabang iaitu konflik intrapersonal terhadap kakitangan hospital, konflik intrapersonal terhadap ahli keluarga, konflik intrapersonal terhadap rakan-rakan dan masyarakat sekeliling, konflik terhadap rawatan penyakit kanser, serta konflik terhadap situasi yang dihadapi.

#### ***Konflik intrapersonal terhadap kakitangan hospital***

Konflik intrapersonal terhadap kakitangan hospital dapat dilihat menerusi watak Ayu yang mengalami konflik intrapersonal dalam dirinya terhadap kakitangan hospital seperti doktor dan jururawat. Hal ini berlaku kerana Ayu berasa tidak suka terhadap cara doktor yang merawatnya dan jururawat yang dilihat tidak peka akan keadaannya sebagai seorang pesakit kanser.

##### **a) Konflik intrapersonal terhadap doktor**

Konflik intrapersonal terhadap doktor dapat dipaparkan menerusi watak Ayu yang mempunyai konflik intrapersonal terhadap doktor di klinik kanser yang merawatnya. Sebagai seorang pesakit kanser payudara, Ayu berasa tidak suka terhadap pemeriksaan yang diberikan kepadanya. Ayu mempunyai rasa benci terhadap pemeriksaan yang dilakukan kepadanya walaupun Ayu sedar

bahawa ia merupakan sebahagian daripada aktiviti rutin yang perlu dihadapinya sebagai seorang pesakit kanser. Hal ini kerana Ayu berasa takut untuk melakukan pemeriksaan 'rutin' tersebut kerana Ayu masih teringat akan kawan baiknya, Theresa yang menderita sebelum menghembuskan nafas terakhir juga kerana menghidapi kanser. Oleh sebab perasaan takut dan benci bercampur yang tidak diluahkan terhadap pemeriksaan 'rutin' yang harus dihadapinya, maka dapat dilihat bahawa Ayu mempunyai konflik intrapersonal terhadap doktor yang menjalankan pemeriksaan tersebut.

Konflik intrapersonal Ayu terhadap doktor juga berlaku apabila Ayu mengetahui bahawa Doktor Lyn menghubungi Umi Jamilah mengenai keadaannya yang menghidapi penyakit kanser. Hal ini menyebabkan wujudnya perasaan tidak puas hati yang tersimpan dalam diri Ayu terhadap Doktor Lyn yang bertindak menghubungi Umi Jamilah mengenai keadaannya yang menghidapi kanser payudara. Bagi Ayu, tindakan Doktor Lyn itu tidak ubah seperti ingin mencari publisiti murahan. Ayu berasa benci dengan tindakan Doktor Lyn yang menganggap dirinya memerlukan sokongan moral daripada orang ramai terutama keluarganya. Justeru itu, dapat dilihat bahawa perasaan tidak puas hati dan geram yang membelenggu diri Ayu tidak diluahkan seterusnya menyebabkan berlakunya konflik intrapersonal dalam diri Ayu.

#### **b) Konflik intrapersonal terhadap jururawat**

Konflik intrapersonal terhadap jururawat yang dapat diteliti dalam novel ini ialah konflik intrapersonal Ayu terhadap jururawat yang merawatnya di klinik kanser. Hal ini berlaku disebabkan jururawat tersebut yang menangkap gambar dadanya sambil memuji bentuk dadanya cantik. Namun begitu, Ayu berasakan pujian jururawat tersebut bertentangan dengan perasaan yang dirasakan kerana Ayu merasakan dadanya tidaklah cantik seperti yang dipuji oleh jururawat kerana dadanya telah mengalami perubahan selepas pembedahan dijalankan. Ayu juga menganggap bahawa jururawat harus bertindak profesional dengan mempunyai etika kerja yang baik serta mempunyai perasaan sensitif terhadap pesakit. Keadaan itu secara tidak langsung menimbulkan rasa marah dan tidak puas hati Ayu terhadap jururawat tersebut namun tidak diluahkan seterusnya menyebabkan berlaku konflik intrapersonal dalam dirinya.

Konflik intrapersonal Ayu terhadap jururawat di klinik kanser juga berlaku kerana jururawat tersebut meminta Ayu untuk memilih alat tiruan payudara atau alat *prosthesis* yang disusunnya. Ayu berasa marah kerana jururawat tersebut seakan-akan tidak peka dengan keadaannya yang masih belum sembuh sepenuhnya dengan luka pembedahan yang masih baru lagi, tetapi Ayu telah diminta untuk memilih alat tiruan tersebut. Hal ini membuatkan Ayu berasa tidak puas hati dan marah terhadap jururawat tersebut. Namun begitu, perasaan marah dan tidak puas hati tersebut hanya dipendam dan tidak diluahkan kepada jururawat itu seterusnya menjadi konflik intrapersonal dalam dirinya.

#### ***Konflik intrapersonal terhadap ahli keluarga***

Antara konflik intrapersonal terhadap ahli keluarga yang dapat ditelusuri dalam kajian ini ialah konflik intrapersonal dalam diri Dayang terhadap bapa dan konflik intrapersonal dalam diri Ayu terhadap ibu saudaranya. Konflik intrapersonal Dayang terhadap bapanya berlaku apabila bapanya terlalu memuji kejayaan Ridjah berbanding dirinya sendiri, manakala konflik



intrapersonal Ayu terhadap ibu saudaranya berlaku apabila ibu saudaranya itu meminta Ayu untuk melupakan dan memaafkan suami Ayu yang meninggalkannya.

**a) Konflik intrapersonal terhadap bapa**

Konflik intrapersonal terhadap bapa dapat diteliti melalui watak Dayang yang tidak berpuas hati terhadap bapanya yang sering memberi pujian kepada Ridjah. Ridjah dan Dayang menetap dan membesar di tempat yang sama iaitu Begawan dan kedua-duanya juga berada dalam umur yang sama. Perasaan tidak puas hati Dayang terhadap bapanya timbul apabila bapanya sering memuji kejayaan yang dimiliki oleh Ridjah berbanding kejayaan yang diperolehi dirinya sendiri. Dayang berasa tidak puas hati kerana kejayaan yang dicapainya hanya dipandang sepi oleh bapanya, dan sebaliknya bapanya itu lebih memuji kejayaan yang dicapai orang lain iaitu Ridjah. Walaupun Ridjah memegang jawatan yang lebih besar daripadanya iaitu sebagai presiden hospital, tetapi Dayang tetap berasakan dirinya juga sepatutnya dipandang dan dipuji oleh bapanya sendiri. Perasaan kecewa Dayang itu hanya dipendam dan tidak diluahkan terhadap bapanya seterusnya menjadi konflik intrapersonal dalam dirinya.

**b) Konflik intrapersonal terhadap ibu saudara**

Konflik intrapersonal Ayu terhadap ibu saudaranya, Umi Jamilah dapat dilihat apabila ibu saudaranya sentiasa menyebelahi suaminya yang digelar bapak badak sumatra berbanding dirinya sendiri. Walaupun suaminya itu yang bersalah dengan meninggalkannya, tetapi Umi Jamilah tetap menyebelahi suami Ayu dengan mengatakan suaminya itu sangat kasihan walaupun Ayu merupakan anak saudaranya sendiri. Namun begitu, Ayu tidak berasakan seperti sedemikian, malah Ayu menganggap betapa mudahnya Umi Jamilah memintanya supaya memaafkan suami Ayu sendiri kerana Ayu hanya anak saudaranya. Ayu tertanya-tanya tentang kebarangkalian Umi Jamilah mungkin tidak mengambil ringan tentang perkara ini sekiranya perkara tersebut menimpa anak kandungnya, Puteri Qazrina. Walaupun Ayu berasa tidak puas hati terhadap Umi Jamilah, namun perasaan tidak puas hati Ayu terhadap Umi Jamilah hanya dipendam dan tidak diluahkan kepada Umi Jamilah seterusnya menjadi konflik intrapersonal dalam dirinya. Persoalan-persoalan yang bermain dalam fikirannya juga dipendam tanpa diluahkan kepada sesiapa.

***Konflik intrapersonal terhadap rakan-rakan dan masyarakat sekeliling***

Terdapat juga konflik intrapersonal terhadap rakan-rakan dan masyarakat sekeliling dalam novel ini yang berlaku kerana pelbagai sebab. Antara konflik intrapersonal terhadap rakan-rakan yang dikupas ialah konflik intrapersonal Ayu terhadap Fatimah dan konflik intrapersonal Ayu terhadap rakan-rakan penulisannya, manakala konflik intrapersonal terhadap masyarakat sekeliling pula merangkumi individu-individu yang hanya dikenali melalui pertemuan yang tidak melibatkan perkenalan antara satu sama lain seperti Kapten Brahi dan lelaki Jepun.

**a) Konflik intrapersonal terhadap rakan-rakan**

Konflik intrapersonal terhadap rakan-rakan yang diteliti ialah konflik intrapersonal Ayu terhadap Fatimah yang merupakan rakannya sepanjang Ayu berada dalam alam imaginasi yang dialaminya. Konflik intrapersonal Ayu terhadap Fatimah berlaku apabila Fatimah menyatakan bahawa dirinya dan Ayu pernah berkawan rapat dan pernah pergi bersama-sama ke Begawan, Membakut, Beaufort dan Keningau. Hal ini membuatkan Ayu berasa keliru seterusnya membuatkan Ayu tertanya-tanya kerana Begawan memang merupakan tempat dirinya dilahirkan tetapi Ayu tidak pernah bertemu dengan Fatimah. Ayu juga berasa pelik kerana Ayu tidak pernah pergi ke tempat-tempat yang disebut oleh Fatimah selain daripada Begawan, malah Ayu tertanya-tanya tentang kebarangkalian dirinya sendiri untuk pergi ke tempat-tempat tersebut tetapi langsung tidak mengingatnya. Persoalan-persoalan ini mengasak dan membelenggu fikiran Ayu secara berterusan tanpa diluahkan kepada Fatimah atau sesiapa seterusnya menjadi konflik intrapersonal dalam dirinya.

Konflik intrapersonal Ayu terhadap rakan-rakan juga berlaku apabila wujudnya konflik dalam diri Ayu terhadap rakan-rakan penulisannya. Hal ini kerana rakan-rakannya itu mengatakan Ayu seorang yang bertuah kerana Ayu hanya melalui pembedahan kecil untuk rawatan penyakit kanser payudara. Namun begitu, Ayu berasa tidak puas hati terhadap kata-kata rakan-rakannya itu kerana Ayu tidak berasakan sedemikian Namun begitu, Ayu tidak sependapat dengan rakan-rakannya. Hal ini kerana Ayu berpendapat bahawa walaupun wanita itu menghadapi penyakit yang sama seperti Ayu, tetapi wanita itu memakai *prosthesis*, iaitu suatu alat yang digunakan bagi menggantikan sesuatu anggota tubuh badan selepas menjalani pembedahan di dadanya. Ayu berterusan tertanya-tanya dengan mempersoalkan kata-kata rakan-rakannya dengan mempersoalkan sejauh mana bertuahnya dirinya yang semakin dilihat hanya bersendirian menghadiri majlis-majlis rasmi penulis, tidak sama seperti dahulu yang Ayu sering ditemani oleh suaminya. Persoalan-persoalan itu hanya membelenggu fikiran Ayu tanpa diluahkan kepada rakan-rakannya itu seterusnya menjadi konflik intrapersonal dalam dirinya.

**b) Konflik intrapersonal terhadap masyarakat sekeliling**

Selain daripada rakan-rakannya, Ayu juga mempunyai konflik intrapersonal terhadap orang ramai yang ditemuinya. Antaranya ialah konflik intrapersonal Ayu terhadap kapten Brahi, individu yang dijumpai Ayu semasa sedang menunggu di lapangan terbang Brunei Darussalam. Perasaan tidak puas hati Ayu terhadap Kapten Brahi wujud kerana kapten tersebut menyatakan tentang dirinya yang hendak berkenalan dengan wanita-wanita muda. Hal ini membuatkan Ayu berasa marah kerana baginya, semua lelaki sama sahaja pantang berjumpa dengan wanita yang cantik dan muda, pasti hendak mengambil kesempatan. Namun begitu, perasaan marah dan tidak puas hati Ayu itu hanya dipendam dan tidak diluahkan kepada Kapten Brahi seterusnya menjadi konflik intrapersonal dalam dirinya.

Selain daripada Kapten Brahi, Ayu juga mempunyai konflik intrapersonal terhadap seorang lelaki Jepun yang ditemuinya di lapangan terbang Brunei Darussalam. Hal ini berlaku apabila Ayu mendapati lelaki Jepun itu melirikkan matanya memerhatikan dirinya dari wajahnya hingga ke dadanya yang leper disebelah kiri dengan riak wajah penuh dengan tanda tanya dan simpati. Ayu berasa tidak selesa dan kurang senang dengan perlakuan lelaki itu, malah perlakuan lelaki itu membuatkan Ayu berasa marah terhadap lelaki tersebut. Namun begitu, perasaan marah dan

tidak puas hati Ayu terhadap lelaki itu hanya dipendam dan tidak dilepaskan kepada lelaki tersebut seterusnya menjadi konflik intrapersonal dalam dirinya.

### ***Konflik intrapersonal terhadap rawatan penyakit kanser***

Ayu merupakan seorang bekas pesakit kanser payudara. Sepanjang Ayu menjadi pesakit kanser, Ayu melalui pelbagai peringkat dalam menjalani rawatan kanser payudara. Ayu tidak suka rawatan-rawatan tersebut kerana rawatan-rawatan yang dijalankan itu memberikan kesan negatif kepada keadaan dirinya, malah Ayu beranggapan rawatan-rawatan tersebut juga membuatkan suaminya menjauhkan diri daripadanya. Hal ini secara tidak langsung menyebabkan berlakunya konflik intrapersonal dalam diri Ayu terhadap rawatan kanser yang dijalankannya. Antara rawatan kanser yang dijalani Ayu ialah pemeriksaan *mammogram* dan rawatan kemoterapi.

#### **a) Konflik intrapersonal terhadap pemeriksaan *mammogram***

Pemeriksaan *mammogram* merupakan suatu pemeriksaan kesihatan yang dijalankan untuk mengesan kanser apabila tidak ada tanda-tanda masalah kesihatan. Pemeriksaan *mammogram* ini yang dijalankan ke atas Ayu membuat Ayu berasa benci dan geram. Hal ini berlaku apabila Ayu diminta untuk menjalani pemeriksaan tersebut sekali lagi. Ayu berasa marah kerana baginya, permintaan itu menyusahkan dirinya. Ayu juga berasakan keputusan pemeriksaan tersebut sama sahaja walaupun dijalankan sekali lagi. Ayu juga menganggap pihak klinik kanser itu hanya ingin menjalankan eksperimen ke atasnya konon untuk hayat hidup dirinya. Bagi Ayu, segala yang akan berlaku tetap akan berlaku walaupun tidak dijalankan sebarang pemeriksaan, jadi Ayu berpendapat pemeriksaan *mammogram* itu tidak perlu dijalankan keatasnya. Justeru itu, jelaslah dapat dilihat bahawa perasaan geram dan tidak puas hati terhadap permintaan untuk menjalankan pemeriksaan *mammogram* itu menjadi konflik intrapersonal dalam dirinya kerana perasaan tersebut hanya dipendam dan tidak diluahkan kepada sesiapa.

#### **b) Konflik intrapersonal terhadap rawatan kemoterapi**

Rawatan kemoterapi merupakan satu peringkat rawatan kanser yang harus dijalani oleh Ayu sebagai salah satu proses rawatan. Kesan sampingan daripada rawatan kemoterapi ini iaitu rasa loya dan muntah-muntah digelar sebagai ‘tabii kemo’ dalam novel ini. ‘Tabii kemo’ yang dialami oleh Ayu datang pada bila-bila masa sahaja, dan ini membuat Ayu berasa benci terhadap rawatan kemoterapi yang dijalankannya tanpa mempunyai sebarang pilihan. Ayu sering tertanya-tanya dengan bermonolog dengan dirinya mengenai kemungkinan perjuangan yang gigih dipegang teguh oleh dirinya sendiri itu berbaloi seiring dengan peluang untuk sembuh yang dijanjikan. Ayu juga tertanya-tanya tentang hidup seorang wanita sepertinya yang mengalami menopause walaupun baru berusia 34 tahun. Persoalan demi persoalan terus bermain dalam fikiran Ayu apabila Ayu terus tertanya-tanya tentang kebarangkalian kewujudan lelaki yang sanggup hidup bersama dengannya walaupun dirinya terjejas habis dengan rawatan kemoterapi yang dijalankannya. Justeru itu, jelaslah dapat dilihat bahawa kesemua persoalan-persoalan yang bermain dalam fikiran Ayu mengenai rawatan kemoterapi dan kesannya menjadi konflik intrapersonal dalam dirinya kerana ia hanya dipendam dan tidak ditanyakan serta tidak diluahkan kepada sesiapa.

---

***Konflik intrapersonal terhadap situasi yang dihadapi***

Novel *Lara* mempunyai pelbagai situasi yang diceritakan untuk menghidupkan watak dan plot yang dibina. Kajian ini juga merungkaikan konflik intrapersonal terhadap situasi yang dihadapi. Antaranya ialah konflik intrapersonal Ayu terhadap situasi di alam imaginasi dan juga konflik intrapersonal Ayu terhadap konflik intrapersonal terhadap situasi panggilan suara tidak dikenali

**a) Konflik intrapersonal terhadap situasi di alam imaginasi**

Dalam novel *Lara*, Ayu banyak berhadapan dengan alam imaginasi yang dialaminya sejak dirinya menjejaskan kaki ke bumi Begawan, Negeri di Bawah Bayu. Konflik ini berlaku kerana Ayu berasa keliru antara membezakan realiti dan imaginasi. Konflik intrapersonal Ayu berlaku apabila persoalan demi persoalan bermain dalam fikiran Ayu mengenai peristiwa yang disaksikannya ketika Ayu sedang berada dalam pesawat. Hal ini berlaku apabila Ayu menyaksikan sebuah kapal dagang yang menggunakan kuasa stim sedang belayar di atas awan. Peristiwa ini terlalu mustahil untuk berlaku di alam realiti tetapi ia berlaku dalam delusi yang dicipta oleh Ayu. Peristiwa tersebut membuatkan Ayu tertanya-tanya arah tuju kapal tersebut, tanpa disedari bahawa peristiwa tersebut merupakan sebahagian daripada imaginasi yang dialaminya. Persoalan-persoalan yang membelenggu Ayu menjadi konflik intrapersonal dalam dirinya kerana hanya dipendam dan tidak ditanyakan kepada sesiapa.

**b) Konflik intrapersonal terhadap situasi panggilan suara tidak dikenali**

Keadaan diri Ayu yang sering dihantui dengan ilusi dan imaginasi membuatkan Ayu seringkali terdengar suara ghaib yang memanggilnya. Hal ini menyebabkan wujudnya konflik intrapersonal dalam dirinya yang menyoalkan panggilan suara ghaib tersebut. Ayu tertanya-tanya dengan dirinya tentang siapa yang memanggilnya; sama ada suaminya atau Umi Jamilah atau mungkin juga orang lain. Ayu juga berasa keliru terhadap dan cuba mengenalpasti suara tersebut yang ternyata bukan suara doktor lelaki yang dikenalnya atau suara Fatimah atau suara pemandu yang membawanya ke HBB. Kesemua persoalan yang membelenggu fikiran Ayu menjadi konflik intrapersonal dalam dirinya kerana persoalan-persoalan itu hanya dipendam dan tidak ditanyakan secara terus kepada orang-orang disekelilingnya.

### **4.3 Konflik Interpersonal**

Konflik interpersonal merupakan konflik yang berlaku antara individu dengan individu yang lain disebabkan oleh perbezaan personaliti, nilai, struktur, peranan dan juga persepsi. Konflik interpersonal juga dapat dikatakan sebagai perbezaan, perselisihan atau pertelingkahan antara dua atau lebih individu. Perbezaan personal yang menjurus kepada perbezaan latar belakang setiap individu yang disebabkan oleh faktor pendidikan, budaya, tradisi keluarga dan proses sosialisasi. Hal ini secara tidak langsung menyebabkan setiap individu memiliki nilai, idea dan persepsi berlainan antara satu sama lain seterusnya membawa ketidaksamaan yang menjadi elemen-elemen kepada konflik tersebut.

Faktor yang lain adalah kekurangan maklumat. Kegagalan dalam berkomunikasi yang mungkin disebabkan oleh penggunaan maklumat yang salah atau berbeza akan menimbulkan konflik interpersonal. Seterusnya, ketidakselarasan peranan yang merangkumi konflik peranan intraindividu dan konflik antara kumpulan serta tekanan persekitaran yang menghadapi tekanan persaingan sekaligus menyebabkan berlakunya konflik (Mohd Foad Sadkan, 2005: 18-19).

Konflik interpersonal yang diperihalkan dalam novel *Lara* ini menghuraikan tentang konflik yang berlaku antara watak-watak yang disebabkan oleh sesuatu perkara atau peristiwa. Konflik ini berlaku disebabkan oleh kewujudan perbezaan pendapat dan pemikiran antara seseorang individu dengan individu yang lain mengenai sesuatu perkara atau peristiwa yang terjadi. Konflik interpersonal ini diluahkan secara terus-terang oleh seseorang individu dengan individu lain yang melibatkan perbalahan dan perdebatan dan kadang-kala hingga menyebabkan tercetusnya pergaduhan secara fizikal apabila konflik tersebut tidak dapat diselesaikan dengan perbincangan. Justeru itu, konflik intrapersonal dalam kajian ini dihuraikan dengan tiga bahagian iaitu konflik antara ahli keluarga, konflik antara kakitangan hospital serta konflik antara rakan-rakan dan masyarakat sekeliling.

### **Konflik interpersonal antara ahli keluarga**

Konflik interpersonal antara ahli keluarga yang diteliti dalam novel ini ialah konflik interpersonal antara Ayu dengan ibu saudaranya dan konflik interpersonal antara Fatimah dengan ibu saudaranya. Perbezaan idea dan pendapat menjadi faktor utama timbulnya konflik interpersonal antara watak-watak tersebut.

#### **a) Konflik interpersonal antara Ayu dengan ibu saudaranya**

Antara konflik interpersonal yang diteliti dalam novel ini ialah konflik interpersonal antara Ayu dengan ibu saudaranya, Umi Jamilah. Konflik ini terjadi kerana wujudnya tentangan oleh Umi Jamilah mengenai suami Ayu sebelum berkahwin. Konflik interpersonal antara Ayu dengan ibu saudaranya berlaku disebabkan oleh kata-kata makian yang dilemparkan oleh ibu saudaranya itu terhadap suami Ayu, Taffa. Hal ini berlaku apabila ibu saudaranya menyatakan bahawa suami Ayu itu merupakan seorang lelaki yang suka memerhatikan dengan memberikan lirikan pandangan yang menggoda kepada wanita-wanita lain terutama wanita yang muda dan cantik. Namun begitu, Ayu tidak berkongsi pendapat yang sama dengan ibu saudaranya itu, malah menyebelahi suaminya itu dengan membalas kata-kata Umi Jamilah dengan menyatakan perbuatan menghina orang merupakan satu perbuatan yang tidak baik yang dimurkai Allah S.W.T. Ayu juga membidas kata-kata Umi Jamilah dengan menegaskan tidak wujud sebarang keganjilan pada lirikan mata suaminya itu. Justeru itu, jelaslah bahawa berlakunya konflik interpersonal antara Ayu dengan ibu saudaranya apabila wujudnya percanggahan idea dan pendapat mengenai sikap suami Ayu, seterusnya berlaku sedikit perselisihan faham antara kedua-dua watak tersebut.

#### **b) Konflik interpersonal antara Fatimah dengan ibu saudaranya**

Fatimah merupakan seorang gadis kecil yang telah kematian ibu dan bapanya dan Fatimah berada di bawah jagaan ibu saudaranya yang dikenali sebagai Mak Cik Ana. Kehidupannya tidaklah seindah yang disangkakan kerana Fatimah sering didera oleh Mak Cik Ana dan suaminya terutama apabila Fatimah enggan mengikuti kemahuan pasangan suami isteri tersebut. Konflik timbul apabila makciknya itu mengerah Fatimah untuk bekerja di rumah D.O Lowe tetapi Fatimah enggan bekerja di rumah tersebut. Konflik interpersonal antara Fatimah dengan Mak Cik Ana semakin berlarutan apabila Fatimah mengadu kepadanya tentang suami Mak Cik Ana yang ingin mencabul dirinya.

Namun begitu, Mak Cik Ana tidak mahu mempercayai kata-kata Fatimah, malah Mak Cik Ana menyebelahi suaminya dengan menuduh Fatimah yang mereka-reka cerita palsu untuk memburukkan suaminya. Perasaan marah yang dialami Mak Cik Ana terhadap Fatimah itu bukan sahaja diluahkan melalui kata-kata, malah ia juga diekspresikan melalui perbuatan memukul dan mendera. Justeru itu, dapat dilihat bahawa wujudnya konflik interpersonal antara Fatimah dengan Mak Cik Ana apabila Fatimah cuba menyatakan sesuatu hal yang berlaku kepada dirinya tetapi disangkal oleh Mak Cik Ana yang tidak mempercayainya seterusnya memarahi Fatimah dengan melepaskan rasa marah tersebut dengan memukulnya.

### **Konflik interpersonal antara kakitangan hospital**

Kakitangan hospital juga tidak terkecuali terlibat dalam konflik yang merangkumi percanggahan idea dan pendapat antara satu sama lain. Antara konflik interpersonal antara kakitangan hospital yang diteliti dalam novel ini ialah konflik interpersonal antara Ayu dengan Doktor Lyn dan konflik interpersonal antara Jazmin dengan Bos.

#### **a) Konflik interpersonal antara Ayu dengan Doktor Lyn**

Doktor Lyn merupakan doktor yang merawat Ayu di klinik kanser sepanjang Ayu menghidap penyakit kanser payudara. Konflik interpersonal antara Ayu dengan Doktor Lyn berlaku apabila Doktor Lyn hendak memberitahu suami Ayu mengenai pembedahan mastektomi yang akan dijalankan ke atas Ayu nanti. Namun begitu, Ayu tidak bersetuju dengan pernyataan Doktor Lyn kerana Ayu berpendapat suaminya itu tidak bersedia untuk menerima kenyataan bahawa pembedahan mastektomi yang akan dijalankan itu akan membuang tisu payudara sebelah kiri seterusnya menyebabkan akan meninggalkan sedikit kecacatan di dada kirinya.

Doktor Lyn pula tetap dengan pendiriannya bahawa suami Ayu itu perlu dimaklumkan juga mengenai pembedahan tersebut supaya suaminya dapat mengetahui lebih awal dan juga untuk membincangkan tentang perasaan suami Ayu mengenai risiko pembedahan yang akan dijalankan itu yang mungkin tidak dapat diluahkan kepada sesiapa, tetapi Ayu tetap berkeras tidak mahu Doktor Lyn berbuat sedemikian dengan membentak lalu meninggalkan klinik kanser tersebut.

Justeru itu, dapat dilihat bahawa berlakunya konflik interpersonal antara Ayu dengan Doktor Lyn dengan wujudnya perselisihan faham tentang perancangan Doktor Lyn untuk memberitahu suami Ayu mengenai pembedahan yang akan dijalankan ke atas Ayu nanti. Doktor Lyn berkeras untuk memberitahu suami Ayu tetapi Ayu tidak bersetuju untuk berbuat sedemikian.

#### **b) Konflik interpersonal antara Jazmin dengan Bos**

Jazmin merupakan seorang doktor merangkap pembantu kepada Bos yang merupakan doktor pakar di HBB. Jazmin sentiasa menurut arahan Bos semasa melakukan pembedahan pesakit walaupun ada ketikanya Jazmin mengetahui arahan Bos itu tidak masuk akal dan tidak boleh dilakukan ke atas pesakit yang dibedah. Namun begitu, konflik interpersonal antara Jazmin dengan Bos berlaku apabila Jazmin tidak bersetuju dengan tindakan Bos semasa melakukan pembedahan ke atas pesakit yang bernama Maya.

Hal ini berlaku apabila Jazmin meminta supaya Bos tidak melakukan pembedahan *transplant* usus ke atas Maya lagi apabila Bos menyatakan eksperimen pembedahan ke atas Maya akan dijalankan semula selepas organ usus kecil baru diperolehi nanti. Namun begitu, Jazmin tidak bersetuju dengan Bos kerana bagi Nur Jazmin, perbuatan itu akan membuatkan Maya lebih rasa terseksa dan menderita. Hal ini membuatkan Bos berasa marah lalu mengherdik Jazmin dengan

mempersoalkan hak Nur Jazmin dalam menentukan hal yang berkaitan dengan pesakit dan pembedahan. Justeru itu, dapat dilihat bahawa berlakunya konflik interpersonal antara Nur Jazmin dengan Bos mengenai pembedahan *transplant* ke atas Maya yang menyaksikan wujudnya dua pendapat dan pemikiran yang berbeza antara kedua-dua watak tersebut.

### **Konflik interpersonal antara rakan-rakan dan masyarakat sekeliling**

Konflik interpersonal antara rakan-rakan dan masyarakat sekeliling berlaku kerana pelbagai sebab. Konflik interpersonal antara rakan-rakan yang diteliti ialah konflik interpersonal antara Ayu dengan Fatimah serta konflik interpersonal antara Sister Santik dengan Fatimah, manakala konflik interpersonal antara masyarakat sekeliling dapat dilihat menerusi konflik Calipso dengan lelaki Eropah dan konflik Calipso dengan Koyama.

#### **a) Konflik interpersonal antara rakan-rakan**

Konflik interpersonal antara rakan-rakan dapat dipaparkan melalui watak Ayu. Kerjaya Ayu sebagai seorang penulis bebas menjadikan Ayu bergaul dengan ramai orang, malah Ayu juga sempat berkenalan dengan beberapa orang dalam dunia khayalan yang dialaminya seperti Fatimah. Konflik interpersonal antara Ayu dengan Fatimah berlaku apabila Fatimah memanggilnya sebagai ‘Puteri dari Johor’, malah Fatimah mengaitkan dirinya dengan Sultan Sulu. Namun begitu, Ayu menafikan panggilan nama tersebut kerana Ayu merasakan dirinya tidak pernah mempunyai panggilan nama seperti itu, malah Ayu berpendapat dirinya tidak ada kaitan dengan Sultan Sulu seperti yang diperkatakan oleh Fatimah memandangkan situasi yang dihadapinya ini berlaku dalam dunia halusinasi yang dialaminya yang berlatarkan zaman dahulu. Justeru itu, dapat dilihat bahawa berlaku konflik interpersonal antara Ayu dengan Fatimah apabila Ayu menafikan gelaran ‘puteri dari Johor’ yang digunakan oleh Fatimah untuk memanggilnya. Hal ini kerana Fatimah berasa yakin bahawa Ayu merupakan ‘puteri dari Johor’ yang dicari oleh Sultan Sulu tetapi Ayu menidakkan kenyataan tersebut.

Konflik interpersonal antara rakan-rakan juga dapat diperlihatkan melalui konflik interpersonal antara Sister Santik dengan Fatimah. Sister Santik merupakan jururawat yang memantau Fatimah sepanjang Fatimah bekerja di Rumah Sakit Begawan. Konflik interpersonal antara Sister Santik dan Fatimah berlaku apabila Sister Santik menuduh Fatimah bahawa Fatimah yang memanggil Koyama iaitu adik pedagang tekstil dari Jepun ke Rumah Sakit Begawan. Namun begitu, Fatimah menafikan tuduhan yang dilemparkan oleh Sister Santik dengan menyatakan dirinya sering menyembunyikan diri setiap kali Koyama datang ke rumah sakit tersebut, jadi tuduhan tersebut adalah tidak benar kerana mustahil untuk Fatimah melakukan sedemikian memandangkan Fatimah sendiri berasa takut dengan lelaki tersebut. Justeru itu, dapat dilihat bahawa berlakunya sedikit percanggahan idea dan pendapat antara Sister Santik dengan Fatimah mengenai kedatangan Koyama ke Rumah Sakit Begawan seterusnya mencetuskan konflik interpersonal antara kedua-dua watak tersebut.

#### **b) Konflik interpersonal antara masyarakat sekeliling**

Konflik interpersonal yang berlaku antara masyarakat sekeliling dapat ditunjukkan menerusi konflik interpersonal antara Calipso dengan mata-mata Punjabi D.O Lowe. D.O. Lowe merupakan antara orang Inggeris yang berkuasa semasa Negeri di Bawah Bayu berada di bawah pemerintahan Inggeris. D.O. Lowe berkenan dengan Fatimah dan Ayu seterusnya mengerah mata-matanya pergi ke Rumah Sakit Begawan untuk membawa Fatimah dan Ayu ke rumahnya.

Mata-mata Punjabi D.O. Lowe kemudiannya menyampaikan pesanan D.O. Lowe kepada Calipso tetapi permintaan tersebut tidak dipersetujui oleh Calipso. Calipso cuba mengawal perasaan marahnya dengan menyatakan permintaan D.O. Lowe akan dipertimbangkan. Namun begitu, mata-mata D.O. Lowe menyatakan perkara tersebut adalah merupakan arahan, bukannya permintaan. Hal ini membuatkan Calipso berasa tidak senang hati dan cuba menghalang dengan menyatakan Ayu dan Fatimah tidak berada di rumah sakit dan sudah pulang ke kampung, malah Calipso terpaksa membuat janji palsu bahawa Calipso akan membawa Ayu dan Fatimah ke rumah D.O. Lowe apabila kedua-duanya pulang tetapi mata-mata Punjabi D.O. Lowe tidak bersetuju memandangkan mata-mata itu sudah dapat menjangkakan bahawa Calipso akan memberikan alasan sedemikian. Justeru itu, dapat ditunjukkan bahawa berlakunya konflik interpersonal antara Calipso dengan mata-mata Punjabi D.O. Lowe mengenai arahan yang dikeluarkan oleh D.O. Lowe untuk membawa Ayu dan Fatimah ke rumahnya yang menyaksikan keinginan mata-mata D.O. Lowe untuk membawa Ayu dan Fatimah dengan ketidakrelaan Calipso untuk membenarkan perkara tersebut berlaku.

Konflik interpersonal antara masyarakat sekeliling juga berlaku menerusi konflik interpersonal antara Calipso dengan Koyama. Koyama merupakan seorang lelaki Jepun yang merupakan adik kepada pedagang tekstil sutera yang kerap menghendap Fatimah di Rumah Sakit Begawan pada zaman dahulukala. Koyama juga merupakan salah seorang tentera Jepun yang menakluki Negeri di Bawah Bayu pada ketika itu. Konflik interpersonal antara Calipso dengan Koyama berlaku apabila Koyama mempersoalkan tentang surat yang ditulis oleh Calipso ketika Calipso ditangkap dan dipenjarakan oleh tentera Jepun. Calipso menyatakan bahawa surat tersebut ditulis untuk saudara sepupunya yang menetap di Sarawak untuk bertanya khabar antara satu sama lain. Namun begitu, Koyama tidak mempercayai kata-kata Calipso dan bertanya sekali lagi kepada Calipso mengenai surat lain yang ditulis dan dikirim Calipso selain daripada surat untuk sepupunya. Calipso menyatakan hanya surat tersebut yang diutuskan untuk sepupunya. Justeru itu, dapat dipaparkan bahawa wujudnya konflik interpersonal antara Koyama dengan Calipso mengenai surat yang ditulis dan dikirim oleh Calipso yang memperlihatkan penafian Calipso tentang surat lain yang ditulis selain daripada surat untuk sepupunya manakala Koyama tidak mempercayainya dan menuduhnya sebagai seorang penipu.

## **5. Rumusan**

Penelusuran novel *Lara* memberikan hasil yang dapat merungkaikan jenis-jenis konflik yang berlaku kepada watak-watak terhadap pelbagai isu yang berlaku dalam masyarakat, khususnya masyarakat perubatan. Antara konflik yang dirangkumkan dalam novel *Lara* ialah konflik intrapersonal dan konflik interpersonal. Konflik intrapersonal yang diperlihatkan oleh pengarang dalam novel ini mempamerkan pergelutan watak-watak dengan diri sendiri dalam menghadapi sesuatu perkara atau peristiwa yang berlaku tanpa melibatkan berlaku campur tangan daripada pihak lain. Konflik interpersonal pula diperlihatkan oleh pengarang dalam novel ini berdasarkan perasaan marah, tidak puas hati, geram dan sedih yang dipendam oleh terhadap watak yang lain seterusnya mencetuskan pertelingkahan antara satu sama lain, malah kadang-kala pertikaman lidah ini boleh mengheret kepada berlakunya pergaduhan secara fizikal iaitu sehingga mencederakan diri sendiri dan orang lain sekiranya konflik ini tidak berjaya diselesaikan dengan percakapan.



Konflik intrapersonal dan konflik interpersonal diketengahkan oleh pengarang dengan menyuntik beberapa isu berkaitan dengan masyarakat yang mungkin memang terjadi pada masa kini. Novel *Lara* dihasilkan berdasarkan pengalaman sebenar pengarang yang menyentuh isu-isu yang berlaku dalam masyarakat pada masa kini, khususnya komuniti perubatan. Antara isu yang dikupas oleh pengarang menerusi novel ini ialah isu perjuangan wanita dalam menghadapi dugaan dan cabaran untuk bangkit semula dan mencapai kejayaan yang diinginkan, isu kegiatan pembedahan yang dijalankan oleh segelintir doktor ke atas para pesakit yang tidak ubah dijadikan seperti bahan uji kaji dalam sebuah eksperimen, isu urus niaga jual beli ubat-ubatan secara haram yang dilakukan oleh kakitangan hospital demi mendapatkan keuntungan untuk diri sendiri, serta isu mengenai stratifikasi sosial dalam kalangan kakitangan hospital.

Justeru itu, dapatlah dilihat bahawa Novel *Lara* ini dihasilkan dengan meletakkan konflik intrapersonal dan konflik interpersonal untuk membicarakan isu-isu berkaitan dengan masyarakat pada masa kini terutama isu-isu berkaitan dengan sisi gelap dunia perubatan melalui watak utama Ayu dibantu dengan peranan watak-watak sampingan lain dalam menghidupkan plot dan jalan cerita yang dibina untuk memastikan intipati yang diterapkan dapat disampaikan kepada para pembaca dan khalayak.

Kesimpulannya, novel *Lara* merupakan suatu medan bagi pengarang bagi meluahkan segala perasaan dan mencurahkan pengalaman yang dialami untuk membuka mata masyarakat mengenai isu-isu yang berlaku dalam masyarakat, khususnya dalam dunia perubatan yang dipaparkan oleh pengarang hasil daripada pengalaman dan pemerhatiannya. Segalanya diketengahkan melalui pergolakan jiwa yang dialami oleh watak-watak yang juga merupakan suatu manifestasi daripada pergolakan jiwa pengarang terhadap isu-isu yang berlaku dalam masyarakat pada hari ini.

## Rujukan

- Amran Hassan. (2011). Konflik. Batu Pahat, Johor: Penerbit UTHM.
- Azlina Abu Bakar @ Mohd. (2005). Psikologi Personaliti Individu. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Azmi Md. Rodzi. (1997). Penerapan Psikoanalisis dalam Novel-Novel Azmah Nordin. Latihan Ilmiah, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fidelis Takion. (2002). Novel *Syumul*, Karya Azmah Nordin: Analisis Sosiologi. Latihan Ilmiah, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fraenkel, Jack R., & Wallen, Norman E. (1993). *How To design and Evaluate Research in Education*. New York: McGraw-Hill.
- Juhara Biskai. (1991). Novelis Wanita Sabah: Satu Analisis dari Aspek Kemasyarakatan. Latihan Ilmiah, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Juliah Bidin. (2008). Patriotisme dalam Kumpulan Cerpen *Wizurai* karya Azmah Nordin. Latihan Ilmiah, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Juwairiyah Ibrahim. (2009). Konflik Budaya dalam novel *Dukanya Abadi*. Latihan Ilmiah, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarul Azmi Jazmi. (2012). Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif. Johor Bahru: Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mana Sikana. (1988). Kritikan Sastera: Masalah dan Peningkatan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Ma'rof Redzuan, Haslinda Abdullah. (2004). Psikologi. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Mawar Safei. (2015). Konflik Komunikasi dari *Bercak Ke Menongkah Lumrah* Karya Azmah Nordin. *Malaysian Journal of Communication* jilid 31(2): 169-182.
- Mohd Foad Sakdan. (2005). Pengurusan Konflik. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hasimah Ismail. (2014). Konflik Jiwa Watak-watak Wanita dalam Novel Pilihan Fatimah Busu. Latihan Ilmiah, Tanjong Malim, Perak: Fakulti Bahasa Dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nurul Husnina Mohmmad. (2014). Isu Wanita dan Kuasa: Satu Analisis berdasarkan Novel Azmah Nordin *Syumul*. Latihan Ilmiah, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Rosmah A. Wahab @ Othman. (2007). Teknik Penulisan Azmah Nordin Berdasarkan Dua Buah Novelnya. Latihan Ilmiah, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Patton, M. Q. (1990). *Qualitative Evaluation and Research Methods (2nd ed.)*. Newbury Park, CA: Sage Publications, Inc.
- Rizanah Nasri. (2004). Azmah Nordin: Keunikan Teknik Penulisan dan Gaya Bahasa dalam Cerpen Kumpulan *Singowoton*. Latihan Ilmiah, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rosnah Baharudin. (2003). Wacana Wanita: Melayu dan Sastera. Bangi: Penerbit UKM.
- Suhaila Mohamad. (2014). Politik dalam Novel *Sutan Baginda*: Analisis Teori Konflik. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Suriati Razali. (2003). Suatu Analisis Terhadap Novel *Syumul*: Pengaplikasian Teori Feminisme dan Teori Psikologi. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Taylor, S. J., & R Bogdan. (1984). *Introduction to Qualitative Research Methods: The Search for Meanings*. Second Edition. John Wiley and Sons. Toronto.